

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (APDP)

NOTIS PRIVASI

Pelanggan yang dihormati,

Selaras dengan penguatkuasaan APDP pada 15 November 2013, Co-opbank Pertama komited untuk mematuhi semua peruntukan APDP yang bertujuan untuk melindungi data peribadi anda. Mengikut peruntukan di bawah APDP, Co-opbank Pertama perlu mendapatkan persetujuan anda apabila mengumpul dan memproses data peribadi anda. Sila ambil maklum, maklumat berkenaan adalah penting untuk Co-opbank Pertama menilai permohonan anda sebelum permohonan anda diproses ke peringkat selanjutnya. Maklumat berkenaan juga dapat membantu Co-opbank Pertama meningkatkan perkhidmatan.

Memproses Data

Data peribadi anda boleh diproses oleh Co-opbank Pertama dan / atau ejen sah Co-opbank Pertama untuk tujuan berikut :-

- i. Berkomunikasi dengan anda
- ii. Menyediakan perkhidmatan kepada anda termasuk anak syarikat Co-opbank Pertama (jika ada)
- iii. Menilai permohonan anda bagi apa-apa produk Co-opbank Pertama
- iv. Memproses apa-apa transaksi pembayaran
- v. Menguruskan dan mengekalkan akaun dan kemudahan
- vi. Mengesahkan kedudukan kewangan menerusi pemeriksaan rujukan kredit
- vii. Menjawab pertanyaan dan aduan anda serta menyelesaikan pertikaian secara am
- viii. Menguruskan pembabitan anda dalam sebarang peraduan dan / atau kempen
- ix. Melaksanakan aktiviti dalaman
- x. Melakukan kaji selidik pasaran dan analisis bagi meningkatkan produk dan perkhidmatan Co-opbank Pertama
- xi. Memenuhi keperluan pihak berkuasa / keperluan perundangan atau mana-mana Undang-Undang
- xii. Menguruskan faedah dan manfaat anda
- xiii. Menguruskan pembayaran dermasiswa, kematian atau takaful yang berkaitan
- xiv. Menguruskan pemulihan hutang dan kutipan

Penzahiran Data Peribadi

Adalah dimaklumkan dalam sebarang situasi dan jika diperlukan ketika melaksanakan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas, Co-opbank Pertama boleh menzahirkan maklumat peribadi anda kepada pihak berikut :-

- i. Mana-mana organisasi yang dilantik untuk berkhidmat sebagai ejen Co-opbank Pertama;
- ii. Mana-mana organisasi untuk melengkapkan transaksi yang diminta oleh anda;
- iii. Mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan yang diminta oleh anda;
- iv. Mana-mana penyedia perkhidmatan Co-opbank Pertama;
- v. Mana-mana pihak yang dilantik oleh Co-opbank Pertama;
- vi. Anak-anak syarikat Co-opbank Pertama;
- vii. Penasihat profesional;
- viii. Mana-mana pihak yang memberi jaminan atas permohonan anda;
- ix. Mana-mana pihak yang yang dibenarkan di dalam peruntukan Undang-Undang, ketetapan mahkamah atau pihak berkuasa;
- x. Mana-mana agensi / syarikat pelaporan kredit yang berkhidmat dengan kami;
- xi. Agensi penguatkuasaan atau pengawalseliaan;

TANDATANGAN :

TARIKH :

PERAKUAN

Dengan menandatangani borang ini, saya / kami mengesahkan bahawa :-

- Saya / kami bersetuju untuk tertakluk di bawah nota privasi di atas;
- Saya / kami dengan ini bersetuju memberi persetujuan secara nyata ('explicit consent') kepada Co-opbank Pertama untuk mengumpul, memproses dan / atau menzahirkan data peribadi saya (termasuk data sensitif) seperti di dalam Nota Privasi di atas;
- Data peribadi yang diberikan oleh saya / kami adalah tepat, lengkap, terkini dan benar. Saya / Kami berjanji akan memaklumkan kepada Co-opbank Pertama secepat mungkin jika terdapat perubahan data peribadi saya / kami.

Pada masa tertentu Co-opbank Pertama mungkin akan menghantar apa-apa bentuk promosi dan pemasaran yang mungkin menarik minat anda. Jika anda mahu menerima komunikasi tersebut, sila lengkapkan ruangan di bawah dengan menandakan di ruangan pilihan anda :-

Ya, saya / kami bersetuju.

Tidak, saya / kami tidak bersetuju.

TANDATANGAN :

TARIKH :

NAMA :

No. K/P :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Diterima oleh :

(Tandatangan Dan Cop Jawatan)

Tarikh :